

SOALAN NO. 27**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 1 OGOS 2017 (SELASA)

SOALAN :

Datuk Aaron Anak Dagang [Kanowit] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh pihak Kementerian dalam memberi perkhidmatan yang lebih memuaskan terutama di luar bandar Sarawak.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa berusaha memastikan penyampaian perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasaran dapat disampaikan dengan berkesan dan diurus dengan lebih baik terutamanya perkhidmatan bantuan kewangan. Dalam hal ini, pihak JKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan berkaitan tatacara dan proses kelulusan bantuan kebajikan serta *outreach programme* untuk mendekatkan JKM kepada masyarakat.

Antara inisiatif yang telah diambil oleh pihak JKM dalam memperkembangkan perkhidmatan bantuan terutamanya di luar bandar adalah :

- 1) Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) atau 'Business Process Reengineering (BPR)'.**

Mulai tahun 2010, JKM telah melaksanakan transformasi terhadap prosedur kerja bagi penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan bulanan melalui kaedah Perekayasaan Proses dan Prosedur Kerja (PPPK) atau '*Business Process Reengineering (BPR)*'. Pelaksanaan proses dan prosedur kerja yang baru ini berupaya mempercepatkan proses penyiasatan dan keputusan permohonan bantuan kewangan di mana tempoh kelulusan dan pemberian bantuan kebajikan telah dipendekkan dari 2 bulan kepada 1 minggu untuk kes-kes yang jelas seperti OKU fizikal yang memohon Elaun Pekerja Cacat (EPC) serta permohonan yang mempunyai dokumen lengkap yang mana lawatan ke rumah klien tidak perlu dilakukan dan kelulusan diberikan serta-merta.

2) Penurunan kuasa kelulusan bantuan

Mulai bulan Jun 2011, kuasa meluluskan bantuan bulanan persekutuan bagi kes-kes baru dan kes-kes kaji semula telah diturunkan daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41 kepada Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S27 ke atas yang dilantik.

Selain daripada itu, mulai Jun 2013, kuasa meluluskan Bantuan Geran Pelancaran (BGP) juga telah diturunkan daripada Pengarah Kebajikan Negeri (PKMN) kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/Jajahan (PKMD/J) di Semenanjung Malaysia tidak termasuk Sabah dan Sarawak.

3) *Outreach Program (Program Pendampingan)*

Selain daripada memperkemaskan tatacara pengurusan bantuan kewangan, JKM juga turut mengadakan *Outreach Programme* bersama pemimpin setempat untuk mendekati JKM kepada masyarakat khususnya masyarakat terpinggir, daif dan kurang berkemampuan. Menerusi *Outreach programme* ini, pegawai-pegawai akan bertugas di pejabat kecil atau lebih dikenali sebagai *Satellite Office*. *Satellite Office* ini akan memudahkan masyarakat luar bandar menikmati perkhidmatan JKM tanpa perlu ke bandar untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan. Pemohon bantuan baru dan penerima bantuan sedia ada berkumpul di Dewan atau Balairaya mengikut jadual yang telah ditetapkan malah temubual akan dibuat secara individu di tempat tersebut. Manakala lawatan ke

rumah dibuat jika ada keraguan maklumat yang diberikan semasa temuramah.

Outreach Programme ini juga turut diperluaskan bersama pemimpin setempat seperti mengadakan majlis penyampaian sumbangan wang bantuan dan bantuan makanan kepada mangsa kebakaran, Program Penyampaian Bakul Makanan kepada klien Cari & Bantu, Program Ziarah ke rumah klien sempena perayaan-perayaan dan program melibatkan NGO's dan klien JKM